

Terowong SMART bukan punca banjir

Kuala Lumpur: Masalah banjir di Kampung Baru dan Datuk Keramat bukan berpunca daripada projek Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART), tegas Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Dr James Dawos Mamit.

Katanya, terowong SMART dibina khusus untuk mengurangkan masalah banjir di ibu kota akibat limpahan

Sungai Klang terutama di jambatan Tun Perak dan kawasan sekitar.

“Sementara banjir kilat di Kampung Baru dan Datuk Keramat masing-masing berpunca daripada keupayaan pam yang terhad dan saluran tempatan,” katanya menjawab soalan Datuk Johari Abdul Ghani (BN-Titiwangsa).

Johari meminta penjelasan berhubung kajian terperinci

mengenai masalah banjir di Kuala Lumpur, terutama Kampung Baru dan Datuk Keramat yang masih berlarutan biarpun kerajaan sudah membangunkan Terowong SMART.

Menjelas lanjut, Dr James berkata, pihaknya sudah meneliti masalah di Kampung Baru dan mendapati pam di kawasan itu mencapai usia 15 tahun dalam serta perlu diganti baru.